

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.7 (58)

18 November 2020
2 Rabiulakhir 1442

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 54/2020

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

IKLAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa, permohonan bagi jawatan **Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)** Gred Utama B (VU6) di Universiti Teknologi Malaysia adalah dibuka untuk permohonan.

2. Sebagai makluman, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka bagi membolehkan semua staf akademik Universiti yang berminat mengemukakan permohonan.
3. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing melalui pautan <https://registrar.utm.my/borang-permohonantnca/> untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut. Berikut adalah maklumat jawatan, kriteria Umum dan kriteria Khusus bagi pemilihan jawatan tersebut:

Maklumat Jawatan:-

Jawatan	: Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	: Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	: Gred Utama B (VU6)
Gaji Hakiki (Anggaran)	: Minimum – RM8,315.00 Maksimum – RM22,445.00

Kriteria Umum:-

- i) **Kecemerlangan Akademik**
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- iv) **Reputasi**
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan (*proven track record*) serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- v) **Personaliti**
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti, Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh Universiti.

Kriteria Khusus:-

- i) **Pemikiran Strategik**
Keupayaan membawa kumpulan utk merancang dan melaksanakan program program akademik, sokongan pengajaran dan pembangunan sumber akademik selari dengan keperluan universiti, negara dan cabaran global.
- ii) **Jalanan Kerjasama**
Meilihat kerjasama dengan pihak luar sebagai peluang untuk meningkatkan keberkesanan, pemasaran global dan meningkatkan *visibility*.

iii) **Pembangunan Tenaga Kerja**

Keupayaan membuat pelan perancangan pengambilan, pelan penggantian, latihan, penilaian dan laluan kerjaya staf akademik.

iv) **Kepimpinan Akademik**

Keupayaan menerajui dan memimpin kepimpinan akademik di semua peringkat dalam universiti.

v) **Berfikiran Global**

Bersedia dengan perubahan perubahan global dan mampu diaplikasi dalam perancangan pembangunan akademik dengan acuan tempatan

4. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, boleh dipohon secara atas talian melalui pautan <https://registrar.utm.my/borang-permohonantnca/> dan semua permohonan perlu dihantar sebelum atau pada **5 Disember 2020**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(ABDUL RAZIB BIN HJ. SHAHUDDIN)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan UTM Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah